

### Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **27 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Tidak kemaruk trofi festival**

*(Page: 1 of 4)*

**Tidak kemaruk trofi festival**

**Oleh Nurulhisham Abdul Latiff**



**Maya Karin**

### **Maya Karin anggap kemenangan hanya satu bonus**

NAMANYA tidak pernah diumumkan sebagai Pelakon Wanita Terbaik pada Festival Filem Malaysia (FFM), biarpun Maya Karin sudah dua kali diiktiraf lakonannya pada peringkat antarabangsa. Bagai ada badi pula setiap kali namanya dicalon pada FFM, apabila asyik tewas kepada aktres lain. Namun juri antarabangsa tidak memandang sebelah mata bakat wanita jelita berdarah kacukan ini.

Kali pertama dia melangkah naik ke pentas menerima trofi Pelakon Wanita Terbaik adalah pada Festival Filem Asia Pasifik ke-49, 2004 di Fukuoka, Jepun, menerusi filem Pontianak Harum Sundal Malam. Setahun kemudian, dia mengulangi pencapaian hebat, kali ini sebagai Pelakon Terbaik pada Festival Filem Fantasi dan Seram Estepona, Sepanyol.

Tahun 2005 juga menyaksikan populariti aktres, penyanyi dan pengacara televisyen ini memuncak apabila memenangi trofi Pelakon Filem Wanita Popular Anugerah Bintang Popular Berita Harian (ABPBH).

### Media Monitoring

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **27 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Tidak kemaruk trofi festival**

*(Page: 2 of 4)*

Tewas di FFM, bukan bermakna Maya tidak pernah menjulang trofi pelakon terbaik di negara sendiri. Hakikatnya, dua kali dia diangkat sebagai Aktres Pilihan pada Anugerah Oskar anjuran Persatuan Pekerja Filem Malaysia, yang sama tarafnya dengan gelaran pelakon wanita terbaik pada festival lain.

Pada Anugerah Oskar keenam yang baru berlalu, Maya bukan hanya menewaskan pemenang pada FFM 2007, Vanida Imran, bahkan dia juga menerima dua pencalonan pada peringkat akhir. Pencalonan pertama menerusi filem Anak Halal dan kedua menerusi Waris Jari Hantu. Maya akhirnya menang hasil lakonan membanggakan dalam filem Anak Halal arahan Osman Ali, yang bakal ditayangkan 13 Disember ini.



Trofi Oskar pertama dimenangnya ialah menerusi filem Pontianak Harum Sundal Malam II.

"Saya amat bersyukur apabila lakonan saya dalam Anak Halal sekali lagi memikat hati juri. Saya cukup menghargai anugerah yang diberikan itu. Malang sekali saya tidak dapat hadir pada acara terbabit kerana terikat dengan promosi sebuah lagi filem lakonan saya, 1957: Hati Malaya, di Johor Bahru.

"Sememangnya saya sedar, ramai yang memberikan maklum balas positif terhadap filem terbaru Osman Ali itu. Saya sendiri cukup menyukai hasil kerja pengarah muda ini. Namun saya tidak pula menyangka saya dicalonkan untuk anugerah kali ini," katanya ketika ditemui pada majlis sidang akhbar mengumumkan dirinya sebagai duta Monsoon Cup 2007 yang akan berlangsung di Terengganu mulai esok hingga 2 Disember nanti.

Pengumuman itu dilakukan Penasihat Perlumbaan Monsoon Cup, Datuk Peter Gilmour. Hadir sama pada acara ringkas yang diadakan di Bangsar itu ialah beberapa artis terkenal tanah air yang terbabit dalam acara persembahan sempena perlumbaan itu seperti Deja Moss, Sharifah Zarina, Raja Azura, Syanie, Zaibo, Amylea, Nazrey Johani, Juliana dan Badri.

Berikutan kemenangan dua kalinya pada Anugerah Oskar, Maya bagaikan kehairanan apabila masih ada pihak yang bertanya, mengapa dirinya asyik menyerlah pada festival luar negara sedangkan katanya, kemenangan pada Anugerah Oskar berlangsung bukannya di bumi asing, sebaliknya di tanah air sendiri.

Apa pun persoalannya, kalangan media yang sudah pun menonton Anak Halal beranggapan, Maya memang mempamerkan antara persembahan terbaiknya menerusi filem mengenai pergolakan hidup remaja terbitan Tayangan Unggul itu.

Lalu, tidakkah aktres yang juga duta kepada sebuah jenama jam terkemuka dunia ini teringin untuk akhirnya menggenggam trofi Pelakon Wanita Terbaik pada FFM akan datang, apatah lagi selepas lakonannya sudah pun diiktiraf melalui penampilan berkesan dalam Anak Halal?

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **27 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Tidak kemaruk trofi festival**

(Page: 3 of 4)

"Memanglah saya amat gembira dengan kejayaan pada Anugerah Oskar, tetapi ia bukan bererti saya sampai tergila-gila inginkan kemenangan pada festival filem seterusnya. Jika nama saya melekat sekali lagi pada senarai akhir pun, sudah mencukupi. Seandainya saya menang nanti, tentulah ia sudah boleh dianggap sebagai bonus pula," tutur wanita ini yang sudah tiga kali berturut-turut melekat sebagai calon akhir kategori pelakon terbaik FFM.

Dia turut melahirkan kegembiraan apabila akhirnya berjaya melarikan diri daripada asyik menjayakan watak wanita cantik dalam beberapa judul sebelumnya. Menerusi Anak Halal, dia diberikan watak Jo, seorang gadis yang bersikap kasar seperti tomboy. Wataknya tidak memerlukan dia bersolek mapan, manakala pakaian pula sekadar yang ada.

Berlakon sama dalam filem berkenaan ialah Farid Kamil, Fasha Sandha, Rosyam Nor, Raja Farah, Fauzi Nawawi, Zul Huzaimi, Remy dan Ady Putra.

Ditanya, siapakah pelakon muda hari ini yang dilihat mempunyai potensi besar untuk maju dalam industri perfileman negara, tanpa berfikir panjang Maya berkata, Raja Farah ialah pilihannya. Cuma satu pinta Maya, agar remaja berbakat ini tidak mengerah tenaga dengan menerima segala apa juga tawaran yang ada, demi kebaikan pelakon itu juga.

Farah, ujanya, harus melangkah perlahan-lahan dan memilih projek yang benar-benar bermutu bagi mengembangkan lagi bakat keupayaan.

Sementara itu, mengulas perlantikannya sebagai duta perlumbaan kapal layar di Terengganu, Maya teruja dengan penghormatan itu dan berjanji akan memberikan kerjasama terbaik kepada penganjur, bukan hanya dalam konteks perhubungan dengan media antarabangsa, bahkan menarik minat orang ramai, daripada kalangan rakyat tempatan mahupun luar negara untuk sama-sama memberikan sokongan kepada acara perlumbaan kapal layar termahal dengan hadiah bernilai RM1 juta.

Antara tugasnya juga memastikan minat penduduk tempatan bercambah terhadap sukan dan aktiviti berlayar.

Katanya lagi, laut bukanlah sesuatu yang asing baginya. Dia sendiri amat menggemari aktiviti yang membabitkan air seperti memancing, menyelam dan meluncur.



**WEBER SHANDWICK**  
WORLDWIDE

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: -

Date: **27 November 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Tidak kemaruk trofi festival**

(Page: 4 of 4)

**INFO:**

**Nama:** Maya Karin Roelcke

**Tarikh Lahir:** 29 Oktober 1979

**Tempat Lahir:** Bayreuth, Jerman

**Profesion:** Pelakon, Penyanyi, Pengacara, Model

**Filem:**

- 2007 - Duyung
- 2007 - Anak Halal
- 2007 - 1957: Hati Malaya
- 2007 - Waris Jari Hantu
- 2005 - Pontianak Harum Sundal Malam II
- 2004 - Tujuh Perhentian
- 2004 - Pontianak Harum Sundal Malam
- 2003 - Mr. Cinderella 2
- 2001 - No Problem
- 2001 - Seri Dewi Malam